

Headline	CIDB syor projek swasta guna BIM		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	19 Mar 2019	Color	Full Color
Section	Bisnes	Circulation	69,985
Page No	55	Readership	209,955
Language	Malay	ArticleSize	187 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,446
Frequency	Daily	PR Value	RM 19,338



CIDB syor projek swasta guna BIM

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) mencadangkan penggunaan Informasi Permodelan Bangunan (BIM) diwajibkan dalam projek tertentu membabitkan sektor swasta tertentu menjelang 2020.

Ketua Eksekutifnya, Datuk Ir Ahmad Asri Abdul Hamid, berkata langkah itu bertujuan menggalakkan penerimaan pendigitalan oleh peneraju industri memandangkan Malaysia sedang melangkah masuk ke era revolusi industri keempat 4.0.

"Cadangan itu berada di bawah Program Transformasi Industri Pembinaan, tetapi kami belum menentukan tem-

poh (penguatkuasaan) kerana penerimaannya belum meluas walaupun kami sudah memperkenalkan penggunaan BIM," katanya kepada pemberita pada Persidangan Transformasi Pembinaan Antarabangsa 2019 yang kedua, semalam.

BIM disalah tafsir

Ketika ini, hanya beberapa syarikat besar sahaja yang menggunakan BIM, manakala dalam sektor awam, ia mula diwajibkan pada tahun ini, namun hanya membabitkan projek bernilai RM100 juta dan ke atas.

"BIM sudah disalah tafsir, ia bukanlah suatu seni atau lukisan Autocad, sebaliknya

ia pembinaan bangunan atau infrastruktur yang dibuat secara digital.

"Jadi, apabila kami menjalankan pelaksanaan dalam bentuk digital, sebarang masalah yang timbul boleh diselesaikan serta-merta. Oleh itu, masalah mampu diselesaikan pada peringkat perancangan dan reka bentuk menerusi perisian dan ini tidak membabitkan kos, sebaliknya, jika masalah dijumpai ketika pembinaan, ia akan meningkatkan harga dan pembinaan akan terlewati," katanya.

Mudahkan guna IBM

Penggunaan sistem BIM juga

akan membantu memendekkan tempoh kelulusan perancangan dan pembinaan bangunan.

Terdahulu dalam kata-kata aluan beliau yang bertemakan 'Pembinaan Melangkaui 2020', Ahmad Asri berkata, kerajaan sudah mengambil beberapa langkah untuk memudahkan penggunaan BIM, termasuk mewujudkan Pusat myBIM Pusat sebagai pusat rujukan, sokongan, perkhidmatan dan pembinaan keupayaan sehenti.

Katanya, latihan teknikal tetap sedang dijalankan, termasuk bekerjasama dengan beberapa buah universiti bagi melatih generasi pekerja binaan.

BERNAMA